

13 JAN 2003

MAHATHIR TERIMA KUNJUNGAN LI LANQING

PUTRAJAYA, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan Naib Perdana Menteri China Li Lanqing di pejabatnya di Kementerian Kewangan di sini.

Mereka berbincang mengenai isu-isu dua hala Malaysia-China dan isu-isu serantau khususnya hubungan kerajaan dengan kerajaan, kata Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata lawatan rasmi Li telah mempererat lagi hubungan kuat Malaysia-China, khususnya dari segi perdagangan dan hubungan Asean+3.

Katanya Dr Mahathir dan Li telah bertukar-tukar fikiran tentang soal mempertingkatkan lagi perdagangan dua hala, Malaysia-China yang mencecah AS\$10 bilion dalam tahun 2001.

Perdana Menteri dan Li juga berbincang tentang penjualan minyak kelapa sawit ke China dan cadangan kerjasama pelaburan ke negara-negara Asean yang kurang membangun serta prospek pelaburan Malaysia dalam industri automotif China.

Li tiba pada Sabtu lepas untuk lawatan rasmi lima hari.

Beliau mengetuai delegasi 62 orang, terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil media dan kakitangan keselamatan.

-- BERNAMA
MFZ AFY ROS